

28/06/1999

Y2K: Banyak negara henti operasi komputer

LANGKAWI, Ahad - Cadangan sektor perbankan menghentikan operasi untuk tempoh tertentu mulai 31 Disember depan adalah sebagai langkah berjaga-jaga menghadapi masalah tahun 2000 atau Y2K, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, banyak negara lain yang mengambil keputusan berbuat demikian bagi sektor tertentu, termasuk bank dan syarikat penerbangan sebagai langkah berjaga-jaga menghadapi kesan Y2K terhadap sistem komputer.

"Ini adalah proses biasa sebagai langkah berjaga-jaga dan bukan Malaysia saja yang berbuat demikian," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Menurut Perdana Menteri, beberapa negara juga membuat keputusan menghentikan penerbangan untuk tempoh tertentu, tetapi setakat ini beliau belum dimaklumkan sama ada MAS akan berbuat demikian atau sebaliknya.

Selain itu, katanya, terpulang kepada bank tempatan sama ada akan menghentikan operasi kerana ada bank menyatakan sistem komputer mereka menepati Y2K.

Baru-baru ini, akhbar melaporkan amaran juru perunding sistem komputer yang serasi dengan Y2K juga boleh menghadapi masalah itu.

(END)